

23/10/2003

30,000 sambut Pak Lah 1 November

GEORGETOWN: Kira-kira 30,000 rakyat dijangka menjayakan acara gilang-gemilang menyambut ketibaan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang bakal menjadi Perdana Menteri kelima Malaysia, pada 1 November ini.

Di samping menyambut dan meraikan anak Pulau Pinang yang menjawat kedudukan tertinggi kerajaan itu, acara berkenaan juga bertujuan menyatakan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang banyak berjasa kepada negara dan memberi peluang kepada Abdullah menggantikannya.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Yahaya berkata, acara itu akan bermula dengan sambutan meriah 10,000 rakyat pada jam 3.45 petang, di Lapangan Terbang Bayan Lepas lama yang diketuai Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

"Sekumpulan 10,000 lagi akan beratur sepanjang Jalan Tun Awang hingga ke Bulatan Bayan Baru untuk mengalu-alukan kepulangan Abdullah yang mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober.

"Rombongan Abdullah ke rumah ibunya di Kepala Batas akan diiringi sekumpulan 1,000 penunggang motosikal sehingga ke Jambatan Pulau Pinang,"

kata Dr Hilmi pada sidang akhbar, di pejabatnya, di tingkat 52 Komtar, semalam.

Beliau berkata, di Seberang Prai, sekumpulan 1,000 lagi penunggang motosikal akan menyambut rombongan Abdullah dan mengiringinya ke Kepala Batas.

Difahamkan, dari Plaza Tol Bertam ke pekan Kepala Batas pula 10,000 lagi rakyat beratur menyambut ketibaan Abdullah.

Dr Hilmi berkata, semua yang menyertai acara sambutan akan dibekalkan bendera kecil negeri dan Malaysia untuk dikibarkan sepanjang perjalanan yang dilalui oleh rombongan Abdullah itu.

Beliau juga meminta rakyat menyertai dan menjayakan acara berkenaan memandangkan 1 November adalah cuti Sabtu pertama November.